

- 14.5.2 P.P. akan mengeluarkan Surat Penamaan, borang JKR 203N3 Pind. 2007 atau JKR 203P3 Pind. 2007 mengikut yang mana berkenaan bagi mengarah Kontraktor untuk menyetujuterima tender Subkontraktor atau pembekal setelah menerima keputusan daripada Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut harga dan peruntukan mencukupi serta telah disahkan. Salinan Surat Penamaan mestilah diedarkan kepada pihak-pihak yang disenaraikan dalam borang surat piawai dan juga kepada pihak-pihak lain yang terlibat.
- 14.5.3 Kontraktor menurut peruntukan kontrak boleh membantah penamaan seseorang Subkontraktor atau pembekal. Kontraktor mempunyai dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan Surat Penamaan untuk berbuat demikian. Jika Kontraktor membantah penamaan Subkontraktor atau pembekal, dan jika mengikut pendapat P.P. bantahan itu dibuat atas sebab yang munasabah, P.P. hendaklah:
- (a) Menamakan subkontraktor atau pembekal alternatif; atau
 - (b) Mengeluarkan Arahan untuk mengeluarkan butiran kerja Wang Kos Prima/Wang Peruntukan Sementara tersebut daripada Kontrak supaya bahagian kerja tersebut boleh dilaksanakan oleh kontraktor yang berasingan; atau
 - (c) Mengarah Kontraktor sendiri melaksanakan butiran kerja Wang Kos Prima/Wang Peruntukan Sementara tersebut.
- 14.5.4 Jika tender daripada Kontraktor disetujuterima, surat setujuterima yang ditunjukkan dalam Lampiran 14S hendaklah digunakan.

14.6 Dokumen Subkontrak

- 14.6.1 Peraturan dan prosedur yang menentukan cara penyediaan Dokumen Kontrak yang diterangkan dalam bab 8 secara am juga terpakai bagi penyediaan Dokumen Subkontrak.
- 14.6.2 Dokumen Subkontrak mengandungi dokumen-dokumen yang disusun mengikut aturan seperti berikut: